




PERSATUAN SEJARAH
MALAYSIA

KDN. 7890

KELUARAN 12 1987
JURNAL PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN



KANDISIKAH

PERSEMBAHAYA

1. Sejarah Lawyan ke Kampung Lukut Oleh: Dr. Ngah Cheah Sook Zul Idris	9
2. Kedur Air Oleh: Yaakub Idrus	36
3. Terengganu Parlimbangga Adat Oleh: Yaakub Idrus dan Norzali Ismail	47
4. Perantauan Adat Melayu di Cirebon Oleh: Dr. Zaini bin Salleh (Gaduh)	57
5. Drama Sejarah "Jipu" Tepaknya Putera Limk Karya: Oprelimku 1. Mohd Yusri b. Mohd Said 2. Bordini b. Bordini 3. Nordin bin Hadi	63
6. Adat Berbari ("") Oleh: Enam Abdul Hadi	77
7. Sejarah Elanggang Meningkah Dengan Negeri Sembilan Oleh: Mohd Hiza Tamir	93
8. Data Bandar Tunugol Oleh: Mohd Zahri b. Mohd Arif	100

**SIDANG REDAKSI "WARISAN".
JURNAL SEJARAH, PERSATUAN
SEJARAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN.**



Dari kiri: Encik Mohd. Hisa bin Tahat, PMC, PJK.
Encik Hashim bin Jasa, AMN, PJK.
Puan Hajah Aishah bt. Md. Sharif, PJK.


"Warisan" adalah Jurnal Sejarah tahunan yang diterbitkan oleh Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan. Jurnal ini memuatkan hasil-hasil penyelidikan dan kajian mengenai bahan-bahan Sejarah Negeri Sembilan dari segi sosial dan ekonomi serta politiknya.

Pendapat-pendapat dan saranan yang terkandung di dalam artikel yang dimuatkan di dalam Jurnal ke 12 ini, tidaklah semestinya merupakan pendapat-pendapat atau buah fikiran Sidang Pengarang atau Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan.

"Warisan" mengalu-alukan sumbangan artikel berbentuk sejarah untuk penerbitan seterusnya. Alamatkanlah artikel tuan-tuan dan puan kepada:

Sidang Redaksi,
Jurnal Warisan,
Persatuan Sejarah Malaysia,
Cawangan Negeri Sembilan,
d/a Jabatan Pendidikan N.S.,
70604 Seremban.

(U.P. Encik Mohd. Hisa bin Tahat, PMC, PJK).



**Y.A.B. DATO' HAJI MOHD ISA BIN DATO' HAJI
ABDUL SAMAD D.S.N.S., P.M.C.
MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN.**

Telefon: Seremban 722421 & 722311
PEJABAT MENTERI BESAR,
TINGKAT 5B, WISMA NEGERI,
70502 SEREMBAN



فجایة من تری بسر
نگاری سنبیان

MENTERI BESAR, NEGERI SEMBILAN

KATA-KATA ALUAN

Penerbitan Kali Ke 12 Majalah Warisan membuktikan bahawa majalah berunsurkan sejarah ini mendapat sambutan daripada masyarakat terbanyak.

Ia juga membuktikan kemampuan sidang pengarang menerbitkan majalah yang dipenuhi dengan pengetahuan akademik khususnya mengenai sejarah.

Sehubungan dengan itu, suka saya mempelawa lebih ramai ahli penulis tempatan menyokong ke arah penerbitan majalah ini supaya dapat kita paparkan kepada orang ramai perjalanan sejarah negeri kita. Saya yakin masih banyak lagi unsur-unsur sejarah yang belum diketengahkan.

Oleh itu saya percaya mereka yang berpengetahuan tentang latar belakang sejarah satu-satu kawasan atau mukim di negeri ini akan dapat memberikan kerjasama kepada para penulis untuk dibukukan.

Sekian dan di atas kerjasama semua pihak yang menjayakan penerbitan Warisan Ke 12 saya ucapkan berbanyak terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Dato' Haji Mohd Isa Bin Dato' Haji Abdul Samad". The signature is fluid and cursive, with a prominent 'I' and 'S' at the beginning.

(DATO' HAJI MOHD ISA BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD)

DARI MEJA PENGARANG



Assalamualaikum
warahmatullahiwabarakatuh

Jurnal Warisan, mutiara kesayangan ahli-ahli sejarah, khasnya ahli-ahli Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan terbit lagi menemui tuan-tuan dan puan-puan.

Usaha penerbitannya bukan sahaja membuka era sejarah Negeri Sembilan dalam menyingkap peristiwa-peristiwa yang banyak terpendam bahkan ia juga memberi peluang kepada penulis-penulis yang berminat di bidang sejarah, mengkaji dan menyelidik seterusnya nemaparkan kepada umum karya-karya mereka. Hasil karya mereka nanti bukan sahaja menjadi tatapan, tetapi ianya akan menjadi bahan kajian yang penting untuk generasi di hari muka.


Masyarakat Melayu Negeri Sembilan, adalah masyarakat yang kaya dengan adat dan tradisi yang unik, contohnya seperti ‘Adat Berpuar’ yang ditulis oleh Encik Ismail bin Abdul Hadi, satu-satunya adat yang hampir lenyap ditelan masa. Ada banyak lagi ciri-ciri masyarakat tradisional yang patut diselidiki dan ditulis untuk menjadi warisan budaya negara kita. Penyelidikan melalui lawatan juga harus digalakkan, seperti artikel yang ditulis oleh Encik Yaakub bin Idrus, ianya patut menjadi contoh kepada anak-anak muda kita yang rajin mengembara dan menyelidik. Guru-guru seharusnya melakukan sesuatu yang positif ke arah ini.

Keluaran kali ini juga memuatkan karya hasil dari pertandingan Drama Sejarah antara sekolah-sekolah Menengah di Negeri Sembilan. Penulisan Sejarah berbentuk drama mempunyai dua fungsi iaitu sebagai penghantar fakta sejarah di samping ianya merupakan satu karya seni. Pertandingan ini diadakan utnuk menggalakkan pelajar-pelajar berminat dalam disiplin sejarah.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga, saya tujukan kepada saudara-saudara penulis dalam ‘Warisan’ keluaran ini, seterusnya ‘WARISAN’ memerlukan sumbangan berlanjutan daripada setiap individu yang cintakan sejarah bangsa dan negara, khasnya Sejarah Negeri Sembilan.

Sekian.

Wabillahitaufik-walhidayah.

A handwritten signature consisting of a stylized 'H' at the top left, followed by a horizontal line with a flourish at the end on the right.

HASHIM BIN JASA AMN, PJK
Pengarang Kehormat,
Majalah Warisan Ke 12

**SENARAI NAMA JAWATANKUASA
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
1987**

Yang Di Pertua	:	Y.A.B. Dato' Haji Mohd. Isa bin Dato' Hj. Abd. Samad, DSNS., PMC. (Menteri Besar, Negeri Sembilan).
Naib Yang Di Pertua	:	Encik Abdul Rahman bin Mohd. Ali, KMN., ASK.
Setiausaha Kehormat	:	Encik Ismail bin Abdul Hadi, KMN., AMN., PMC., PJK.
Pen. Setiausaha Kehormat	:	Encik Mazlan bin Abdullah, AMN., PJK.
Bendahari	:	Encik Tan Ghee Peng, AMN.
Ketua Pengarang	:	Encik Hashim bin Jasa AMN, PJK.
Ahli-ahli Jawatankuasa	:	Tuan Haji Hisham bin Omar, PJK.
	:	Tuan Haji Sulaiman Samad, PJK.
	:	Datuk Mohd. Sharif bin Fakkeh Hasan, PPN., PMC., PKL., PJK.
	:	Encik Zainal Abidin bin Yusuf PPB., PMC.
	:	Tuan Haji Husain bin Salleh.

TEROMBA DAN PERBILANGAN ADAT

Oleh: Yaakub Idrus dan Norzali Ibrahim

Sekolah Menengah Datuk Abdullah, Astana Raja, Kota

Pendahuluan

Bahagian Penyelidikan PSM/CNS telah berusaha mengutip dan merakamkan teromba atau perbilangan adat Perpatih dan telah pun dimuatkan di dalam Jurnal Warisan 11 (1986) sebanyak 4 versi - 3 dari Daerah Rembau dan satu dari Kuala Pilah, tanpa diberikan sebarang ulasan. Di dalam terbitan ini dimuatkan lagi dua buah kutipan dari Rembau:

- (i) Tuturan Encik Jidin dari Kampung Batu Hampar, Rembau
- (ii) Salinan Encik Jidin dari buku 'Rembau - Sejarah, Perlembagaan, Adat dan Istiadatnya', terjemahan Abas Hj. Ali.

Usaha ini dilakukan dengan harapan agar dapat memberikan kefahaman yang lebih jelas dan sebagai bahan kajian kepada peminat-peminat dan pelajar-pelajar. Pihak Badan Redaksi pula meminta dibuat sedikit ulasan ke atas versi-versi yang telah diterbitkan dan yang sedang diusahakan. Oleh itu kami cubalah sekadar mampu. Kita difahamkan ada terdapat teromba-teromba di daerah-daerah Siak, Rokan, Inderagiri dan Kuantan di Sumatra. Bahagian Penyelidikan PSM/CNS memang dalam proses mencari-carinya. Kawasan-kawasan tersebut memang menganut adat Perpatih.

Pengertian

Menurut Kamus Dewan:

- (1) Tambo: (minang) riwayat dahulu kala, abad, hikayat, sejarah; membuka tambo: membangkit-bangkit atau mengungkit-ungkitkan perkara yang sudah-sudah.
- (2) Teromba: sejarah yang diceritakan dalam bentuk perbilangan; tambo, riwayat, terumba.

Pada hakikatnya kedua-dua pengertian di atas adalah sama saja iaitu riwayat atau sejarah dalam bentuk perbilangan - bukan dalam bentuk tulisan atau prosa. Manakala perbilangan pula, menurut Za'ba: ungkapan-ungkapan yang pendek yang disebut satu lepas satu seperti orang membilang dan kebanyakannya sudah menjadi undang-undang atau aturan hidup. Dr. Ali Ahmad pula lebih menekankan aspek puisinya; beliau menjeniskan sebagai gubahuan puisi bebas yang indah dan sekaligus dapat memberikan pengalaman yang benar dan peraturan-peraturan hidup. (Ali Ahmad h. 58)

Dialek Negeri Sembilan menyebutnya 'terombo' dengan huruf 'r'-nya seperti bunyi 'ghain' nipis. Dialek Minang pula 'tambo' yang mungkin pula daripada perkataan 'tarambo' tetapi telah digugurkan bunyi 'r'-nya. Kadang-kadang ia disebut juga sebagai 'terasul', 'kata-kata adat' atau 'perbilangan adat'. Walau apapun namanya dipanggil ia adalah bermaksud atau menekankan:

- (1) Unsur sejarahnya, (2) Unsur sasteranya - kata-kata berirama, (3) yang diungkapkan dari mulut ke mulut sejak zaman berzaman:

tau nang kocik pek nang bosa

tau nang bosa pek tuo

tau nang tuo pek nang dulu-dulu

Elok juga ditegaskan di sini bahawa teromba adat ini hanya terdapat di daerah-daerah penganut adat Perpatih iaitu Negeri Sembilan, kecuali kawasan pantai dan Linggi; Melaka yang bersempadan dengan Negeri Sembilan, seperti Masjid Tanah, Alor Gajah, Pulau Sebang, Batang Melaka dan lain-lain. Di Sumatera pula ialah Tanah Minangkabau darat, Kampar, Siak, Inderagiri, Rokan, Batu Bahara dan lain-lain. Di negeri Johor terdapat juga masyarakat Perpatih iaitu di Kampung Lukut, Kota Tinggi.

Ciri-ciri Teromba

Sebagai sifatnya satu genre rakyat tradisional, teromba ini tidaklah diketahui siapa penciptanya, ia mungkin wujud secara evolusi di dalam masyarakat penganut adat Perpatih. Dan lagi terdapat berpuluhan-puluhan atau beratus-ratus versi mengikut daerah atau siapa penuturnya. Setakat ini kita tak pernah tahu atau melihat satu versi yang benar-benar asli atau yang boleh dianggap standard. Kalau ada pun mungkin berada di dalam simpanan orang-orang tertentu yang mungkin menyimpannya sebagai barang yang sangat berharga atau sebagai keramat. Walau bagaimanapun kita agak beruntung kerana dapat mendengar atau membacanya dari versi-versi tuturan orang perseorangan yang berminat mempelajari dan menghafalnya, sama ada sebagai peminat atau seorang yang benar-benar terlibat di dalam bidang adat seperti datuk-datuk lembaga atau buapak-buapaknya. Itupun sangat kurang didapati sekarang.

Versi-versi yang telah kita temui itu amatlah banyak perbezaannya antara satu dengan lain; ada yang panjang ada yang pendek; ada ungkapan yang terdapat dalam versi 'A' tetapi hilang dalam versi 'B'. Namun perbezaan atau kelainan ini janganlah dianggap sebagai satu kelemahan. Sebaliknya,

pada hemat kita, pada kelainan-kelainan inilah terletaknya keindahan teromba itu sendiri dan amat sesualah sifatnya sebagai puisi lisan. Perubahan-perubahan pasti berlaku kerana sengaja ditokok tambah atau ditinggalkan mengikut keperluan masing-masing.

Dengan meneliti penjelasan di mana adat itu tumbuh atau dipergunakan. Dalam versi-versi Negeri Sembilan kebanyakannya terdapat ungkapan:

Selilit Pulau Perca

Sealam Minangkabau

Selembang Tanah Melayu

Ungkapan ini mungkin menjelaskan bahawa Negeri Sembilan adalah sebahagian daripada Kerajaan Pagar Ruyung yang terletak di Pulau Perca (Sumatra). (Lihat Abas Hj. Ali h. 3)

Versi Minangkabau mengungkapkan lain pula:

Nan saliliek Gunuang Maiapi,

Sedaerah Gunuang Pasaman,

Sajajaran Sago jo Singgalang,

Saputaran Talang jo Kurinci - (H. Idrus Hakimy, h. 19)

Ini menjelaskan daerah-daerah Tanah Minangkabau iaitu yang terletak di sekitar gunung-gunung yang disebutkan di dalam ungkapan itu.

Manakala versi Kampar pula berbunyi:

Adat di Kampar Kiri,

Telago adat di Kampar Kanan,

Menjelaskan tempat-tempat keutamaan adat di Daerah Kampar.

(ii) Terombo menunjukkan bagaimana adat itu berpecah dua, sama ada di Sumatra ataupun di Negeri Sembilan dan bagaimana teguhnya adat Perpatih itu:

Ke laut adat Temenggung,

Ke darat adat Perpatih,

Adat yang tak lapuk dek hujan,

Tak lekang dek panas,

Biar mati anak jangan mati adat

Dalam konteks ini adat ialah undang-undang negeri.

(iii) Menjelaskan jalan atau laluan adat Perpatih itu dari Sumatra ke Semenanjung. Ada beberapa kelainan:

Turun di Pagar Ruyung.

Naik ke Gunung Rembau,

Menyeberang ke Seri Menanti,

yang berkemungkinannya menunjukkan perjalanan Raja Melewar.

Versi lain pula:

Datang dari Pagar ruyung,

Naik ke Kuala Lukut,

Mnegondor ke Johor Baru.



Dari Johor Baru masuk ke Luak Rembau,


Mengilir ke (nama tempat si penutur).

Ini mungkin menunjukkan perjalanan satu rombongan pendatang yang naik di Lukut kemudian ke Johor Baru untuk meminta kebenaran pada Sultan Johor menduduki Rembau/Negeri Sembilan. Ini berkaitan dengan sejarah Negeri Sembilan.

Beraja ke Johor,

Bertuan ke Minangkabau,

Bertali ke Siak.



Peta Lakar menunjukkan kedudukan Negeri Sembilan dan Bahagian Sumatra dan sungai-sungai penting laluan adat Perpatih ke Negeri Sembilan

Walaupun terdapat kelainan-kelainan tetapi maksudnya adalah sama iaitu bahawa Negeri Sembilan ini pada zaman dahulu adalah di bawah takluk Johor. Apabila Johor lemah Negeri Sembilan dinasihatkan mencari zuriat di Sumatera yang bersetentang kedudukannya dengan Kuala Linggi (zaman lampau Kuala Penajuh), iaitu pintu masuk ke Negeri Sembilan. Perjalanan dari Rembau ke Pagar Ruyung pastilah melalui Siak dan sebaliknya. Tetapi apa yang lebih jelas ialah hubungan Rembau dengan Siak selalu erat sejak zaman lampau - semenda-menyemenda antara kedua-dua daerah sering berlaku, begitu juga persamaan budaya.

(iv) Aspek yang terpenting ialah menekankan tentang rukun masyarakat di kalangan penganut adat Perpatih, khususnya di kalangan sesama sesuku: mestilah hidup rukun, bersefahaman dalam suasana bergotong-royong:

duduk berpelarasan,

dekat rumah dekat kampung.

Sehalaman sepermainan,

Seperigi sepermandian,

Sejamban sepergiliran;

Ibarat labu menjalar ke hulu,

Kundur menjalar ke hilir,

Pangkalnya sama dipupuk,

Buahnya sama ditarik,

Daunya sama digintih;

Ke bukit sama didaki,

Ke laut sama direnangi,

Hati gajah sama dilapah

Hati kuman sama dicicah dan lain-lain

- (v) Menjelaskan kedudukan dan kebergunaan orang semendanya:

.....

dagang bertepatan, perahu bertambatan,

orang semenda bertempat semenda,

orang semenda di tempat semenda:

memanggil yang jauh, menghimpun yang dekat,

cerdik hendakkan rundingya,

kaya hendakkan emasnya,

malim hendakkan doanya,

bodoh disuruh-arah dan sebagainya. Susunan ungkapan tidak semestinya sama. Inilah yang sering disalahtafsir oleh orang-orang luar adat Perpatih.

Sabtu pagi?

Selain daripada ciri-ciri di atas ini, kalau hendak dikaji terlalu banyak.

Ini cuma dilihat dari segi mafhum atau implikasinya. Jika dikaji dari aspek lain umpamanya segi struktur dan bentuk-bentuk teromba, banyak lagi yang boleh diperkatakan, umpamanya terdapat bentuk pantun, pepatah dan sebagainya. Semua ini meminta perhatian dan kajian.

Penggunaan Teromba

Konsep?

Kini memang jarang kedengaran adanya majlis membaca terombo

atau perbilangan adat ini secara lengkap. Ini mungkin kerana desakan budaya moden yang serba sibuk hingga orang tiada masa lagi untuk memberikan terhadap budaya tradisinya. Orang lebih suka bersikap 'singkap daun ambil buah'. Hanya kita mungkin dapat mendengar semasa perkahwinan anak datuk-datuk lembaga dan undang yang menjalankan perkahwinan secara beradat atau beralat (berolek) di mana beberapa adat kebesaran dijalankan, seperti adat mandi-mandian, berjulang, menggantung alat-alat kebesaran (pedang, tombak, payung kuning dan sebagainya). Dalam majlis pernikahan dan menghulurkan hantaran wakil yang datang dengan wakil yang menanti pun akan membacakan teromba ini.

Seperkara lagi kita harus sedari bahawa penggunaan teromba hanya sesuai di dalam daerah-daerah adat Perpatih saja - bila dibawa keluar, umpamanya di Kedah, maka terjadilah bak kata perpatah: gayung tak bersambut, kerana orang luar itu tidak memahaminya.

Cuma diharapkan ada satu-satu usaha dijalankan oleh mana-mana institusi tertentu untuk mempopularkannya sebagaimana yang dibuat oleh badan-badan penulis tanahair - seperti hari puisi, malam deklamasi puisi dan seumpamanya.

Penutup

Mungkin terdapat berbagai pandangan masyarakat terhadap teromba ini - ada pandangan yang positif dan ada pula yang negatif. Walau apapun satu perkara harus kita sedari bahawa teromba ini adalah satu-satunya warisan pusaka bangsa yang amat tinggi nilainya jika diperdalam, seperti kata Dr. Nordin Selat: Mengkaji perbilangan adat adalah mengkaji intelek tradisional Melayu (Renungan h. 217). Ia harus kita kenali dan peliharakan:

Tak kenal tak cinta,
Tak dirasa tak tau perisanya;
Lama dibaharui,
Lapuk dikajangi

Setidak-tidaknya kita terimalah teromba ini sebagai satu bentuk sastera bangsa yang punya keistimewaan tersendiri yang boleh dibanggakan dan wajar diberikan perhatian.

* * * * *

Rujukan

1. Abas Haji Ali, Rembau - Sejarah, Perlembagaan, Adat dan Istiadatnya, Pejabat Cetak Kerajaan Johor, 1953
2. Ali Haji Ahmad, Dr. Pelajaran Asas Puisi Melayu, PFB, KL. 1978
3. Arstektor Tradisional Daerah Riau, Departemen Pendidikan Kebudayaan Propinsi Riau, 1983/84
4. H. Idrus Hakimy, Dt. Rajo Penghulu, Pokok Pengetahuan Adat Alam Minangkabau, Penerbit Remaja Karya, CV Bandung, 1984
5. Abdullah Siddik, Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia, Penerbit Universiti Malaysia, KL. 1973
6. Mohd. Din Ali Sjahbana, Puisi Lama, Pustaka Rakjat, N.V. Jakarta 1954. h. 113 - 119. Versi ini dirasakan paling lengkap. Itupun dipetiknya dari JMBRAS, Jelebu Customary Song and Saying oleh A. Caldecott
8. Za'ba, Ilmu Mengarang Melayu, DBP KL. 1962